



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا فينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH

**HIDUP TANPA PEDULI:  
MATI TANPA DIINGATI**



Tarikh Bacaan:  
**10 APRIL 2026M / 21 SYAWAL 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## Hidup Tanpa Peduli, Mati Tanpa Diingati

10 April 2026M/ 21 Syawal 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا  
تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣١﴾ سورة الروم  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ  
خَيْرٌ وَأَبْقَى.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan  
segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ketakwaan  
itulah sebaik-baik bekalan yang akan menyelamatkan kita di dunia dan di  
akhirat.

Ketika kita berhimpun di rumah Allah pada hari yang mulia ini,  
marilah kita memelihara adab dan kesempurnaan ibadah Jumaat.  
Hindarilah perbuatan yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti  
bersembang, membuat bising, bermain *game* dan gajet serta tidur dengan



sengaja. Allah sentiasa melihat perbuatan kita. Perbuatan sedemikian bukan sahaja mencacatkan adab, bahkan menjejaskan nilai dan ganjaran ibadah Jumaat yang sedang kita tunaikan.

Mutakhir ini, berlaku fenomena yang membimbangkan iaitu apabila seseorang meninggal dunia secara bersendirian di rumah tanpa disedari oleh sesiapa. Hal ini akan dihuraikan melalui mimbar Jumaat dengan tajuk: **“Hidup Tanpa Peduli, Mati Tanpa Diingati.”**

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Isu yang berlaku ini merupakan cerminan kepada kekosongan hubungan kekeluargaan, kemerosotan hubungan sosial dan kehilangan simpati dalam dunia moden yang mementingkan hak-hak individu semata-mata. Banyak kes melibatkan warga emas yang ditemui mati bersendirian. Lebih menyedihkan, kes tersebut hanya disedari selepas bau jasad mula merebak ke rumah jiran. Situasi ini menggambarkan realiti baru mesyarakat moden apabila anak-anak mula berpindah ke bandar sementara warga tua dibiarkan bersendirian tanpa pemantauan.

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Dari kaca mata Islam, keadaan ini amat menyedihkan. Al-Quran dan sunnah Rasulullah ﷺ amat menekankan peranan anak terhadap ibu bapa serta tanggungjawab kejiranan. Ibu bapa merupakan dua insan yang tidak pernah lemah dan lelah dalam memberi yang terbaik kepada anak-anak. Mereka tidak pernah meminta balasan, melainkan mahu melihat anak-anaknya berjaya. Ibu bapa merupakan dua jiwa yang sanggup berkorban segalanya, dari keperluan hidup hingga

kesempurnaan ilmu, demi masa depan yang lebih bermakna. Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Israk ayat 23:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ

كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا آفٌ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

Maksudnya: *“Dan Tuhan kamu telah memerintahkan, supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang antara keduanya, atau kedua-duanya sampai berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka janganlah kamu mengatakan (sebarang perkataan kasar) kepada kedua-duanya sekalipun perkataan “hah” dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)”*.

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Namun, terdapat dalam kalangan kita yang alpa selepas mengecap kejayaan, lalu melupakan insan yang dahulu berjuang membesarkan dan mendidik kita. Kebajikan ibu dan bapa tidak lagi diambil peduli, hingga mereka terbiar dalam kesunyian tanpa khabar berita. Lebih menyedihkan, ada anak-anak yang menghalang ibu atau bapa yang telah lanjut usia daripada berkahwin semula selepas kehilangan pasangan, semata-mata kerana bimbang soal harta pusaka. Akhirnya, ibu bapa dibiarkan menanggung sepi tanpa teman hidup.

Bayangkanlah kesunyian di hujung usia; tiada lagi tempat berbicara, hanya renungan di jendela mengharapakan kepulangan anak yang

dirindui, namun sering berakhir dengan kekecewaan. Hati mereka sarat dengan duka, antara harapan dan penantian yang tidak pasti. Justeru, anak-anak tidak sewajarnya mementingkan diri dan mengabaikan keperluan emosi serta kebahagiaan ibu bapa. Ingatlah pesanan Baginda رَضِيَ اللهُ عَنْهُ melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ sebagai peringatan agar kita sentiasa berbakti dan tidak sekali-kali mengabaikan kedua-dua ibu bapa.

رَغِمَ أَنْفُهُ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفُهُ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفُهُ قِيلَ: مَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَنْ  
أَذْرَكَ وَالِدَيْهِ عِنْدَ الْكِبَرِ، أَحَدَهُمَا، أَوْ كِلَيْهِمَا، ثُمَّ لَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ

Maksudnya: “Kehinaan demi kehinaan dan demi kehinaan. Baginda ditanya: Siapa (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?” Rasulullah menjawab: Siapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika sudah lanjut usia, salah seorang atau keduanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga.” (Hadis Riwayat Imam Muslim)

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Sebagai anak, kita diharamkan menjadi pendendam kepada ibu atau bapa hanya kerana kesilapan yang dilakukan semasa muda mereka. Menjadi kewajipan kita untuk berbakti kepada ibu dan bapa, tunaikan hak dan tanggungjawab kita sebagai anak. Ziarahilah mereka, luangkan masa bersama mereka.

Di usia ini, bukan wang yang mereka inginkan bahkan genggam tangan kasih dari seorang anak yang mesra berbicara dengan mereka. Gembirakan mereka, bahagiakan mereka. Jangan biarkan mereka bersendirian. Andai tersingkap hikmah dan ganjaran di sebalik berbakti kepada mereka, barulah kita sedar bahawa gelaran warga emas itu

bukan sekadar istilah, tetapi pengiktirafan bahawa merekalah “emas sebenar” yang tak ternilai di dunia serta harta yang menyinari kehidupan kita.

Oleh itu, marilah kita sentiasa memperbanyakkan bacaan doa:

رَبِّ اَرْحَمُهُمَا كَمَا رَبَّبْتَنِي صَغِيرًا

Maksudnya: *“Wahai Tuhanku, kasihanilah mereka berdua (ibu bapaku) sebagaimana mereka telah mendidik aku semasa kecil.”*

(Surah al-Isra’ ayat 24)

#### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar menyimpulkan beberapa perkara penting:

**Pertama:** Berbakti kepada ibu bapa ketika menjelang usia senja merupakan tuntutan agama dan tanggungjawab sebagai seorang anak.

**Kedua:** Sebarang budaya dan amalan membiarkan ibu bapa kesepian adalah bertentangan dengan syariat dan perlu dijauhi.

**Ketiga:** Anak-anak perlu memahami jiwa ibu bapa terutamanya ketika mereka sudah lanjut usia, apatah lagi apabila mereka keseorangan yang memerlukan peneman.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Ankabut, ayat 8:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا وَإِنْ جَاهَدَاكَ لِتُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ

فَلَا تُطِعْهُمَا إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Dan Kami wajibkan kepada manusia agar berbuat baik kepada kedua-dua orang tuanya. Namun jika kedua-duanya mendesak kamu untuk mempersekutukan Aku (dalam ibadatmu) dengan sesuatu yang kamu tidak mempunyai ilmu tentangnya, maka janganlah kamu mentaati mereka. Hanya kepada-Ku tempat kembalimu dan akan Aku terangkan kepadamu segala yang telah kamu lakukan.”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 telah membincangkan Fatwa Mengenai Kewajipan Membayar Zakat Emas Bagi Pelaburan Emas. Fatwanya adaa

Pertama: Modal bagi pelaburan emas patuh Syariah yang merangkumi emas fizikal dan akaun simpanan emas serta apa-apa keuntungan daripada pelaburan tersebut wajib dikenakan zakat.

Kedua: Modal bagi pelaburan emas yang tidak patuh Syariah merangkumi emas fizikal, akaun simpanan emas dan emas maya dikenakan zakat kerana dikategorikan sebagai zakat wang simpanan. Manakala, sebarang

keuntungan daripada pelaburan tersebut tidak dikenakan zakat kerana tidak patuh Syariah.

Ketiga: Wang keuntungan yang tidak patuh Syariah hendaklah dibersihkan.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَدَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمْنٍ خَافِكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا حُصُوصًا وَوَلَايَةً فُؤَلَاوِ فَيَنْعَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادِتَنَا وَرُزَعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيْهِ عِزُّ دِيْنِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG